

MITI jamin Lindungi kepentingan domestik



DDI sentiasa mendominasi pelaburan diluluskan walau dasar liberalisasi dilaksanakan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Keperluan domestik sentiasa dilindungi, malah pelaburan langsung domestik (DDI) sentiasa mendominasi pelaburan yang diluluskan meskipun dasar liberalisasi dilaksanakan.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata kementerian akan memastikan kepentingan domestik sentiasa dilindungi dalam semua dasar yang diwujudkan termasuk Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Katanya, DDI sentiasa mendominasi pelaburan yang diluluskan dengan memperlihatkan dalam tempoh 2012 hingga 2021, DDI yang diluluskan adalah seba-



nyak RM1.3 trilion atau 64 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

"Dalam semua dasar, MITI akan sentiasa pastikan bahawa kepentingan domestik sentiasa dilindungi," katanya dalam satu hantaran di media sosial bagi menjawab isu yang dibangkitkan mengenai kekhawatiran NIMP 2030 mungkin menyebabkan modal asing mendominasi pegangan ekuiti tempatan dengan mengambil contoh Tesla.

Mengenai Tesla, Tengku Zafrul menjelaskan, kemasukan pengeluaran kereta elektrik (EV) terkemuka dunia itu ke negara ini adalah melalui program Inisiatif Peneraju Global Kenderaan Elektrik Bateri (BEV GL) yang direka untuk menarik pembuat kereta eksklusif EV ke negara ini.

Beliau berkata, kehadiran Tesla akan dapat memupuk keyakinan pengeluaran peralatan asal (OEM) untuk menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi teknologi EV.

"Ini tentu sekali akan memberi kesan limpahan positif ke atas

ekonomi negara. Kita memerhatikan negara seperti China, Hong Kong dan Norway, kemasukan Tesla mempercepatkan peralihan kepada EV.

"Apabila ini berlaku, banyak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan mendapat manfaat daripada penyertaan dalam ekosistem EV. Dalam menjana kepentingan tempatan, kehadiran Tesla ke Malaysia bukan sahaja menjual kereta, banyak syarat yang dikenakan," katanya.

Tengku Zafrul berkata, Tesla disyaratkan memasang sejumlah besar pengecas pantas arus terus (DC) yang sebahagiannya untuk kegunaan kereta jenama selain Tesla, menggaji serta melatih sekurang-kurangnya 80 peratus rakyat Malaysia sebagai tenaga

kerja syarikat selain bekerjasama dengan sekurang-kurangnya 10 pusat pengajian tinggi atau Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi pemindahan pengetahuan.

"Tesla juga perlu bekerjasama dengan sekurang-kurangnya 10 syarikat domestik dan menggunakan kontraktor tempatan untuk rangkaian pengecasan tempatan bagi memastikan Malaysia mendapat manfaat secara meluas daripada kehadiran mereka," katanya.

Pemansuhan syarat ekuiti

Mengenai liberalisasi sektor perkilangan, Tengku Zafrul berkata, ia wujud sejak 17 Jun 2003 melalui Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP 2).

Beliau berkata, mengikut da-

sar itu, syarikat pengilang tidak lagi dikenakan syarat ekuiti yang mana 100 peratus pegangan asing dibenarkan bagi syarikat-syarikat baru.

Dalam erti kata lain, tegasnya, dasar liberalisasi itu bukannya NIMP 2030 yang buat, dasar itu memang sudah ada sejak IMP 2.

Katanya, impak pemansuhan syarat ekuiti dan liberalisasi kepada industri tempatan dapat dilihat melalui perangkaan yang dicatatkan dengan nilai keluaran dalam negara kasar (KDNK) sektor pembuatan meningkat hampir 100 peratus dari RM192.5 bilion pada 2010 kepada RM364.5 bilion pada 2022.

"Jumlah eksport meningkat dari RM489.6 bilion pada kepada RM1.55 trilion pada 2022. Jumlah pekerjaan meningkat 2.7 juta atau 17 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja negara," katanya.

Tengku Zafrul turut menjelaskan bahawa sasaran pelan NIMP 2030 adalah termasuk penambahan nilai ekonomi hampir RM588 billion, peningkatan 600,000 peluang pekerjaan dan kenaikan gaji purata kepada sekurang-kurangnya RM4,510 sebulan bagi sektor pembuatan.

"Jika strategi sebegini tidak progresif untuk Malaysia, apa lagi yang progresif?," katanya.

Banyak PKS tempatan mendapat manfaat daripada penyertaan dalam ekosistem EV. Dalam menjana kepentingan tempatan, kehadiran Tesla ke Malaysia bukan sahaja menjual kereta, banyak syarat yang dikenakan



Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz,
Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri